

# Keputusan batalkan projek jambatan atas nasihat Peguam Negara, Kabinet

PUTRAJAYA 28 Jun - Keputusan untuk membatalkan projek pembinaan jambatan bagi menggantikan Tambak Johor dibuat selepas mendapat nasihat Peguam Negara (AG) dan semua menteri kabinet menyatakan pendirian masing-masing kepada Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Khalid Nordin berkata, bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad dan pembangkang tidak harus mengatakan rakyat khususnya di Johor membantah keputusan kerajaan itu.

"Jadi, kerajaan tidak memerlukan pungutan suara untuk mengetahui pendirian rakyat Johor kerana bahagian dan cawangan UMNO yang ada di negeri itu sudah mencukupi untuk kita mendapatkan maklumat mengenai sokongan rakyat," kata-

nya kepada pemberita di sini semalam.

Sebelum ini, Dr. Mahathir mencadangkan supaya diadakan pungutan suara membabitkan rakyat Johor berhubung pembatalan projek jambatan berkenaan.

Mohamed Khalid mengulas perkara itu lanjutan daripada kenyataan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz yang kesal dengan tindakan Dr. Mahathir yang berterusan mengkritik kerajaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pasir Gudang berkata, semua keputusan mengenai projek pembangunan dan dasar kerajaan diputuskan setelah mengambil kira pandangan dan cadangan dari semua menteri Kabinet.

Oleh itu, katanya setiap keputusan itu akan dipertahankan dan tindakan tersebut

tidak boleh dianggap sebagai turut.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azmi Khalid berkata, beliau mengambil pendirian sama seperti diputuskan oleh Kabinet mengenai isu kritikan Dr. Mahathir terhadap kerajaan.

Beliau berkata, apajua keputusan dibuat berhubung isu tersebut, diputuskan secara bersama dan bukan individu.

"Ada beberapa perkara Perdana Menteri sendiri dipujuk oleh Kabinet untuk tidak meneruskannya dan ia adalah keputusan bersama," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasca-Kabinet kementerian di sini hari ini.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda UMNO bimbang pihak-pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dengan tindakan Dr. Mahathir mengkritik

dasar-dabar kerajaan secara terbuka.

Ketua Penerangannya, Datuk Azimi Daim berkata, keadaan sedemikian boleh menyebabkan pihak-pihak di sekelilingnya yang mempunyai kepentingan peribadi mempengaruhi Dr. Mahathir bertindak lebih buruk.

"Ia boleh menggugat keutuhan UMNO kerana kenyataan datang daripada seorang yang dianggap negarawan ulung dan banyak berjasa kepada bangsa serta negara," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pergerakan Pemuda UMNO Johor pula menyifatkan tindakan Dr. Mahathir sebagai tiada keikhlasan dalam membantu dan meneraskan perancangan Wawasan 2020.

Ketuanya, Razali Ibrahim berkata, tindakan bekas Perdana Menteri itu hanya akan membantutkan perancangan ekonomi dan kemajuan negara.